

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN KUALITI JABATAN LAUT MALAYSIA**  
**BIL 1/2011**

---

**TARIKH** : **21 APRIL 2011.**  
**MASA** : **2.30 PETANG.**  
**TEMPAT** : **BILIK MESYUARAT UTAMA,  
IBU PEJABAT,  
JABATAN LAUT MALAYSIA.**

**SENARAI KEHADIRAN:**

- |    |                                   |   |
|----|-----------------------------------|---|
| 1. | Dato' Kapt Ahmad Bin Othman       | Ketua Pengarah Laut<br>(Pengerusi)  |
| 2. | Hj. Baharin Bin Dato' abdul Hamid | Wakil Pengurusan Kualiti/<br>Timbalan Ketua Pengarah                        |
| 3. | Hj.Ahmad Khairuddin Bin Ismail    | Pengarah Bahagian,<br>Kawalan Industri.                                     |
| 4. | En. Muhamad Razif Bin Ahmad       | Pengarah Bahagian, Hal<br>Ehwal Pelaut Dan Pelabuhan                        |
| 5. | En.Hazman Bin Hussein             | Pengarah Bahagian,<br>Khidmat Pengurusan                                    |
| 6. | Hj.Ramli Bin Ahmad                | Pengarah Institut Latihan<br>Pentadbiran & Pengurusan<br>Pengangkutan Laut, |
| 7. | Kapt.Jailani Bin Jalal            | Pengarah Laut Wilayah<br>Tengah   |
| 8. | En.Roslee Bin Mat Yusof           | Pengarah Laut Wilayah Utara   |
| 9. | En.Rosnan Bin Fathal              | Pengarah Laut Wilayah<br>Selatan  |

- |     |                             |   |
|-----|-----------------------------|---|
| 10. | En.Rossid Bin Musa          | Pengarah Laut Wilayah<br>Timur  |
| 11. | En.Benjamin Bernard Bijion  | Pengarah Laut,<br>Wilayah Persekutuan Labuan &<br>Laut China Selatan. |
| 12. | En.Abdul Aziz Muhamad       | Pengarah Laut,<br>Sarawak.  |
| 13. | Hj Wan Endok Bin Wan Salleh | Pengarah Laut,<br>Sabah.  |
| 14. | En.Khairuddin Bin Abas      | Wakil Pengurusan Kualiti  |
| 15. | En.Yusnan Bin Abdul Rani    | Urusetia  |
| 16. | Pn.Norhayati Binti Ibrahim  | Urusetia  |

## **1. PERUTUSAN PENGERUSI.**

- 1.1 Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.
- 1.2 Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa Institut Latihan Pentadbiran dan Pengurusan Pengangkutan Laut (ILPPPL) akan melaksanakan ISO dan dokumen masih dalam penyediaan pihak ILPPPL.

## **2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT.**

- 2.1 Ahli-ahli mesyuarat mengambil maklum berkenaan dengan agenda mesyuarat dan dokumen mesyuarat yang telah diedarkan. Seterusnya mesyuarat bersetuju untuk menerima agenda mesyuarat yang dicadangkan.

## **3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 1/2010**

- 3.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Jabatan Laut Malaysia Bil 1/2010 yang telah diadakan pada 31 Mac 2010 juga disahkan tanpa sebarang pindaan.

## **4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

- 4.1 Maklumbalas yang diterima dari bahagian HEPP - Sistem SDPX di pejabat Pelabuhan Port Dickson mula beroperasi April 2010.

**Tindakan: Makluman**

- 4.2 Maklumbalas dari bahagian HEPP- Pengeluaran sijil COC (2010) < 30 hari sebanyak 4,848 (87%) dari jumlah pengeluaran sebanyak 5,510.

**Tindakan: Makluman**

- 4.3 Maklumbalas yang diterima dari bahagian HEPP:

- i. Mempraktikkan simpanan stok minimum sebanyak 10 buku (1,000 keping)sijil.
- ii. Latihan berterusan tatacara penggunaan sistem SDPX.
- iii. Modul Sijil Kursus Modular di dalam sistem SDPX sedang dibangunkan dan dijangka siap pada Julai 2011.

**Tindakan: Pengarah Bahagian HEPP**

- 4.4 Maklumbalas yang diterima dari bahagian HEPP:
- i. Pengeluaran sijil kursus modular < 7 hari (tahun 2010 sebanyak 3,239 sijil (96.4%). Hanya 122 sijil dikeluarkan > 7 hari.
  - ii. Penggunaan sijil kursus modular keluaran baru dengan ciri keselamatan bermula Januari 2011.

**Tindakan : Makluman**

- 4.5 Maklumbalas yang diterima dari bahagian HEPP:
- i. Menyediakan alat ganti/memohon pembelian pencetak tambahan mengikut peruntukan yang ada.
  - ii. Menasihat pelaut untuk ke Pejabat Pelabuhan yang lain jika perlu untuk urusan segera.

**Tindakan : Makluman**

- 4.6 Maklumbalas yang diterima dari bahagian BKI:
- i. OSM Ship Management Pte. Ltd. telah membuat permohonan auditan permulaan pada 30 Jun - 1 Julai 2009 dan permohonan penyampelan kapal pada 08 September 2009.
  - ii. Pengeluaran DOC adalah berdasarkan penutupan ketakakuran yang dibuat oleh syarikat dimana tarikh ketakakuran yang ditutup (audit) permulaan dan penyampelan kapal ialah pada 22 Oktober 2009.
  - iii. Oleh itu, pengeluaran DOC ialah pada 23 Oktober 2009 dimana hanya mengambil masa selama 2 hari dan telah mencapai objektif kualiti yang ditetapkan.

**Tindakan : Makluman**

- 4.7 Maklumbalas yang diterima dari bahagian BKP:
- i. Proses kerja akan ditukar untuk melaksanakan kerja ukur hidrografi dengan kontraktor untuk semua peringkat kerja.
  - ii. Cadangan diperenggan c sedang disemak dan akan diperbetulkan untuk lebih menepati objektif kualiti dalam jangka masa yang terdekat ini.

**Tindakan: Pengarah Bahagian BKP**

## **5. LAPORAN AUDIT KUALITI DALAMAN.**

- 5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa audit kualiti dalaman telah dilaksanakan di 5 lokasi iaitu IPL (Persijilan Pelaut,Pemaliman, Pendaftaran Kapal), Jabatan laut Wilayah Utara ( Pulau Pinang & Lumut), Jabatan Laut Sarawak (Kuching & Muara Tebas), Jabatan Laut Labuan dan Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor Bharu, Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang).
- 5.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat ketakuran di 5 lokasi tersebut dan masih belum ditutup.
- 5.3 Tuan Pengurus mohon kerjasama kesemua juruaudit dalaman Jabatan Laut Malaysia yang telah dilantik agar menitikberatkan ketakakuran yang telah di bangkitkan oleh juruaudit luaran.
- 5.4 Tuan Pengurus juga mencadangkan agar pegawai –pegawai yang masih belum mengikuti kursus ketua juruaudit agar terus di hantar bagi mengikuti kursus ketua juruaudit memandangkan jumlah ketua juruaudit adalah terhad.

### **Tindakan : Urusetia**

- 5.5 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa kursus Awareness ISO akan dilaksanakan pada bulan May atau Jun 2011. Ini adalah kerana masih terdapat kakikatangan yang terlibat dengan proses ISO tidak menghadiri kursus tersebut.

### **Tindakan : Urusetia**

## **6.0 LAPORAN AUDIT KUALITI LUARAN.**

- 6.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa audit kualiti luaran telah dilakukan pada 13-15 Disember 2010 di Pejabat pelabuhan Kuala Perlis, Pejabat Pelabuhan Kuah dan IPL (Unit Keselamatan Pelayaran dan Teknologi Maklumat & kerajaan Elektronik).
- 6.2 Dimaklumkan bahawa terdapat 9 ketakuran pemerhatian  
9 Ketakuran adalah seperti berikut:-
  - i. CKF01- Tempoh masa sebenar bagi proses permohonan tidak dapat dikesan dipejabat Pelabuhan untuk menilai keberkesanan masa memproses permohonan. Dalam tindakan pejabat pelabuhan Kuala Perlis.

**Tindakan: Pengarah BHEPP**

- ii. CKF02-Bagi Pengeluaran Perakuan Kekompetenan (PT-HEPP-02), Permohonan Perakuan Pengiktirafan (PT-HEPP-04) dan Permohonan Dokumen Pelaut (PT-HEPP-05 Pindaan 01) yang dipinda pada 20 Oktober 2010 tidak menyatakan tempoh penyimpanan rekod dokumen. Tuan Pengerusi meminta supaya pemilik proses membuat pindaan atau melampirkan arahan ARKIB mengenai tempoh penyimpanan dokumen.

**Tindakan: Pengarah BHEPP**

- iii. CKF03- Terdapat dua (2) aduan pelanggan oleh En.Norizam dan Lee Ewe Beng pada 22 jun 2010 berhubung Panel Klinik Naga tidak menyediakan borang Perakuan Pemeriksaan Perubatan dimana pemohon perlu berulang alik dari panel klinik ke pejabat Pelabuhan Kuah.

Bahagian HEPP telah mengeluarkan satu surat kepada Panel Klinik Naga berkenaan pemakluman tersebut.

**Tindakan: Pengarah BHEPP**

- iv. CKF-04 Dimaklumkan bahawa Laporan Ketakuran yang telah di buat oleh juruaudit dalaman, contohnya 22/06/10/ADAM 02/ tidak menyatakan komen diatas tindakan pembetulan yang telah diambil. Ini telah ditekankan oleh LRQA pada CKF03, 04/2010). Mesyuarat mencadangkan supaya peringatan diberikan kepada semua juruaudit mengenai perkara tersebut. Pihak Urusetia akan membuat pindaan kepada borang ketakakuran untuk menangani perkara tersebut.

**Tindakan: Urusetia**

- v. CKF-05 Urusetia dinasihat untuk mengemaskini laporan audit kualiti dalaman yang telah ditutup supaya lebih teratur dan kemaskini.

**Tindakan : Urusetia**

- vi. CFK 06- Penggunaan Logo LRQA/UKAS di surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia contohnya (Cert KLR0403591 Z, tetapi nombor sijil yang sepatutnya ialah

KLR0403591F1, (b) bagi Pejabat Pelabuhan Pulau Pinang.  
Tindakan telah diambil oleh Pejabat pelabuhan P. Pinang.

**Tindakan : Urusetia**

- vii. CFK 07- Di dapatkan bahawa Borang Penyelenggaraan ICT yang telah dibangkitkan oleh En Razali (Agen/Klien) pada 10 Jun 2010 dan Erman pada 14 Jun 2010. Tindakan telah diambil oleh unit Teknologi Maklumat & Kerajaan Elektronik (UTMKE).
- viii. CFK-08 - Untuk memastikan audit terhadap syarikat perkapalan bersamaan dengan jadual audit yang telah disediakan. Bagi memastikan audit berjalan dengan baik, Unit Pengurusan Keselamatan Kapal hendaklah melatih juruaudit dan ketua juruaudit yang mencukupi untuk memastikan permohonan audit dapat dijalankan dengan lancar.

**Tindakan: Pengarah BKI**

- ix. CFK -09- Dimaklumkan bahawa NCR yang telah di buat oleh Unit Keselamatan Kapal tidak menyatakan komen terhadap tindakan pembetulan yang telah diambil oleh pihak yang di audit. Unit ISM akan mengambil tindakan untuk membuat pindaan keatas borang NCR.

**Tindakan: Pengarah BKI**

- 6.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa audit seterusnya akan dijalankan pada bulan Jun 2011. Lokasi yang terlibat ialah Pejabat Pelabuhan Sibu, Sarikei dan IPL.
- 6.5 Di IPL tema audit kali ini adalah berkenaan penambahbaikan pengurusan terhadap panel perubatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Laut Malaysia dan penambahbaikan dalam sistem pendaftaran kapal. Tuan Pengurus memaklumkan supaya Bahagian dan Pejabat Pelabuhan yang terlibat dapat mengambil tindakan sewajarnya supaya audit berjalan dengan lancar dan sempurna.

**Tindakan:Pengarah BHEPP dan Pengarah  
Jabatan Laut Sarawak.**

## **7.0 LAPORAN ADUAN/MAKLUMBALAS PELANGGAN.**

### **7.1 Bahagian Kawalan Industri.**

7.1.1 Bagi aktiviti proses pendaftaran kapal, sebanyak 23 borang maklumbalas & aduan Pelanggan telah diterima bagi tempoh Januari 2011 hingga Mac 2011. Secara keseluruhan analisis maklumbalas yang diterima adalah memuaskan. Terdapat cadangan dari pelanggan iaitu:

- a. *Perhaps Marine Department can provide more talks & seminar for vessels owner.*
- b. *Application can be applied through web-based online*
- c. *Requested officers to advise best/better procedure or simplify the systems.*

7.1.2 Terdapat 34 borang maklumbalas diterima bagi aktiviti ISM bagi tempoh Januari 2011 hingga Mac 2011. Secara keseluruhannya analisis maklumbalas yang diterima adalah memuaskan. Terdapat cadangan dari pelanggan iaitu:

- a. Garis panduan yang lebih terperinci dan jelas dimuatkan dilaman web Jabatan Laut

### **7.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan pelabuhan**

7.2.1 Sebanyak 125 borang maklumbalas telah diterima daripada Pejabat-pejabat pelabuhan bagi tempoh Januari 2011 hingga Mac 2011. Secara keseluruhannya analisis mendapati kepuasan pelanggan adalah pada tahap amat baik.

**Tindakan: Pengarah BHEPP**

### **7.3 Bahagian Keselamatan Pelayaran**

6.3.1 Terdapat 21 maklumbalas pelanggan yang diterima bagi penyediaan alat bantuan pelayaran bagi tempoh Januari 2011 hingga Mac 2011.

## **8.0 LAPORAN PERCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI.**

### **8.1 Bahagian Kawalan Industri**

#### **8.1.1 Sistem Pendaftaran Kapal.**

Objektif kualiti sistem pendaftaran kapal dari bulan Januari sehingga Mac 2011 adalah tercapai. Sehingga bulan Mac 2011 sebanyak 69 urusan pendaftaran kapal telah dilaksanakan di empat (4) pejabat Pelabuhan daftar iaitu Port Kelang, Penang, Kuching, dan Kota Kinabalu.

**8.1.2 Sistem Pengurusan Persijilan Dokumen Kepatuhan Kod ISM :-**  
Januari sehingga Mac 2011 adalah tercapai. Sebanyak 37 buah syarikat telah di audit bagi tempoh tersebut. Kesemua mencapai Objektif kualiti yang telah ditetapkan

### **8.2 Bahagian Hal Ehwal Pelaut& dan Pelabuhan**

**8.2.1 Mengadakan peperiksaan sijil kecekapan laut sekurang-kurangnya 2 kali setahun bagi setiap gred.** Sebanyak 24 peperiksaan bahagian dek dan 36 peperiksaan di bahagian enjin telah di adakan bagi Januari hingga Mac 2011 dan mencapai objektif kualiti yang ditetapkan. Ulasan menyatakan bahawa statistik suku pertama tahun 2011, diambil secara manual atas sebab proses penambahbaikan pada sistem ketika ini sedang dilaksanakan.

**8.2.2 Menentukan kelayakan menduduki peperiksaan dalam masa 1 minggu dari tarikh permohonan diterima -** sebanyak 352 permohonan peperiksaan bahagian dek dan 264 permohonan peperiksaan bahagian enjin telah diproses dalam tempoh yang ditetapkan bagi Januari 2011 hingga Mac 2011. Objektif kualiti tercapai.

**8.2.3 Mengeluarkan sijil perakuan kekompeten dalam 30 dari tarikh permohonan diterima-** sejumlah 960 permohonan diterima bagi tempoh Januari 2011 hingga Mac 2011. Peratus percapaian ialah 100 % tercapai bagi suku tahun pertama 2011. Manakala sijil perakuan pengiktirafan dalam 30 dari tarikh permohonan diterima- sejumlah 1,221 permohonan diterima bagi tempoh Januari 2011 hingga Mac 2011. Sebanyak 1,221 sijil kecekapan dikeluarkan

kurang 30 hari. Peratus pencapaian ialah 100 % tercapai bagi suku tahun pertama 2011 ini adalah kerana:-

- a. Proses pengeluaran COR ini adalah disebabkan oleh keberkesanan penggunaan Sistem SDPx sejak ia diperkenalkan pada pertengahan tahun 2009.

8.2.4 Mengeluarkan sijil kursus modular dalam masa 7 hari bekerja selepas tarikh pendaftaran kursus ke dalam sistem diterima – sebanyak 3,081 sijil kursus modular telah diproses. Sebanyak 3,081 sijil telah dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja bagi tempoh tersebut. Peratusan pencapaian adalah 100%.

## **9.0 HAL -HAL LAIN**

- 9.1 Pengurus juga memaklumkan bahawa pemakluman perlu dibuat kepada pihak LRQA bagi pertukaran nama Jabatan kepada Jabatan Laut Malaysia.

**Tindakan :-Urusetia**

- 9.2 Tuan Pengurus meminta supaya pada mesyuarat yang akan datang, pemilik proses perlu dijemput hadir.

**Tindakan : Urusetia**

## **10.0 PENUTUP**

Tuan Pengurus mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir.